

Headline **Scan, Mimos jual hasil teknologi R&D**
Date **01. Dec 2007** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **36**
Section **Ekonomi** Article Size **110** cm2
Circulation **217991** Frequency **Daily**
Readership **762968** Color **Full Color**



Scan, Mimos jual hasil teknologi R&D

SCAN Associates Bhd (Scan), penyedia penyelesaian keselamatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), memeterai perjanjian untuk menjadi rakan niaga perniagaan teknologi pertama yang membangun serta mengkomersialkan teknologi kajian Mimos Bhd.

Perjanjian itu dimeterai bersempena pelancaran Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (Nice 2007) di Kuala Lumpur, semalam.

Scan diwakili Timbalan Pengerusinya, Lt Jen (B) Raja Datuk Abdul Rashid Raja Badiozaman dan Ketua Eksekutif Kumpulan, Aminuddin Baki Esa manakala Mimos oleh Pengerusinya, Datuk Shahril Shamsuddin dan Presiden/Ketua Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah.

Perjanjian itu turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis.

Aminuddin berkata, kerjasama itu akan membolehkan Mimos menumpukan terhadap penyelidikan dan pembangunan (R&D) berterusan produk, manakala Scan memfokus terhadap usaha pengedaran serta pemasarannya.

Beliau berkata, ia termasuk sebilangan produk keselamatan siber yang dibangunkan Mimos, selain Sistem Dokumen Elektronik Selamat (SEDS) dan Enjin Penguat kuasa untuk MyKad dengan kod nama CA4MyKad.

"Kami jangkakan SEDS dikomersialkan awal tahun depan. Kami menerima banyak permintaan daripada pelanggan tempatan dan luar negara mengenai produk ini.

"Justeru, kami turut merancang untuk melesenkan penyelesaian kepada rakan niaga di luar negara untuk tujuan pasaran domestik mereka," katanya.